

Lelaki didakwa tawar skim pelaburan tidak wujud

 bernama.com/bm/news.php



SEREMBAN, 28 Okt (Bernama) -- Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan menipu dengan menawarkan skim pelaburan tidak wujud melalui aplikasi WhatsApp, tahun lepas.

Shawn Lee Kim Boon, 33, dituduh melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di Mesa Putra Nilai, Nilai kira-kira pukul 10 malam pada 13 Nov 2021.

Dia didakwa secara bersama-sama dengan satu pihak melakukan pakatan jahat iaitu menipu dengan memperdaya melalui aplikasi WhatsApp menyatakan bahawa skim pelaburan 'vanguard investment' adalah wujud sehingga mendorong mangsa memasukkan wang pelaburan menerusi skim itu yang bertentangan dengan Seksyen 415 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 120 (B) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum enam bulan atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Muhaimin Mohd Azman manakala tertuduh diwakili peguam Alvin Tan.

Majistret Norzaliza Tesmin membenarkan tertuduh diikat jamin RM2,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 11 Nov untuk sebutan semula kes.

-- BERNAMA